

Buku

# Menambahkan nilai buku S&T

UM, 14/1/08, ms 11.

## Benar menuntut ilmu itu adalah satu kewajiban, tetapi jangan dilupa berkongsi ilmu yang dituntut itu pula akan lebih mengangkat kemuliaan orang yang berilmu itu



**PERKEMBANGAN** sains dan teknologi akan menjadi lebih memberangsangkan jika maklumat mengenainya disebarakan menerusi bahan penerbitan yang menggunakan bahasa ibunda.

- Gambar hiasan

golongan ini adalah paling utama dan lebih tinggi prestij mereka pula sekiranya berjaya menyambung pelajaran sehingga ke tingkat paling teratas.

Dalam keadaan ini, peruntukan masa pastinya akan lebih diberikan kepada penyelidikan yang dijalankan dan bagi yang sudah bekerja seperti pensyarah misalnya, ada yang terpaksa berkejar-kejar dengan waktu mengajar di kuliah.

Justeru, tidak hairanlah sekiranya hasrat untuk membukukan pengetahuan dan kepakaran mereka dalam bidang S&T tidak sedikit pun terlintas di fikiran golongan ilmuwan ini.

Sementelah menulis buku S&T lebih-lebih lagi sebagai rujukan untuk sekolah mahupun IPT tidak memerlukan bahasa yang berbunga-bunga, frasa kata yang terlalu indah atau perumpamaan mahupun bidalan Melayu yang melankolik.

S&T pastinya lebih banyak berkenaan dengan fakta, penerangan yang sangat te-

pat dan ringkas sifatnya dan lebih menarik jika diselitkan dengan gambar rajah atau ilustrasi yang berkaitan.

Apa yang diperlukan oleh cerdik pandai hanyalah satu subjek sebagai topik yang pastinya pula berkaitan dengan pengkhususan kepakaran mereka untuk dibincangkan dalam satu gaya penceritaan yang mudah difahami dan seronok dibaca.

Jika buku seperti itu dirasakan sangat berat, bermulalah dengan penulisan buku yang ringkas seperti buku bacaan untuk kanak-kanak atau sains fiksi dan animasi yang lebih ringan dan mudah bahasanya.

Timbul juga dalam perbincangan ini mengenai kesukaran penulis buku S&T untuk mencari perkataan yang sesuai lagi tepat dengan sekian banyak istilah-istilah bahasa Inggeris dalam dunia S&T.

Hakikat ini sememangnya tidak boleh dinafikan memandangkan pembelajaran bidang ini di IPT sepenuhnya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pe-

ngantar selain buku rujukan yang ada juga kebanyakannya dalam bahasa itu.

Bagi mana-mana penulis pun apabila berdepan dengan ketandusan perkataan yang sesuai seperti ini, mana mungkin sebuah penulisan dapat disiapkan dan ia sebenarnya lebih buruk daripada ketandusan idea.

Lalu, situasi ini berbalik semula kepada DBP dan ia juga pernah dibincangkan sedikit masa lalu mengenai kekurangan perkataan yang boleh menggambarkan dengan tepat maksud sesuatu istilah S&T dalam bahasa Inggeris.

Pembaca pastinya tidak mahu sebuah buku S&T berbahasa Melayu tapi sebahagian besar daripada istilah yang digunakan pula adalah dalam bahasa Inggeris yang dicondongkan atau perlu merujuk glosari perkataan untuk mengetahui maksud yang lebih tepat.

Ini jugalah sebenarnya sebab mengapa DBP menggalakkan penulisan buku S&T di kalangan penulis tempatan kerana sejak beberapa tahun lalu, badan itu bekerja keras memperkenalkan istilah-istilah S&T sebagai perkataan baru dalam Kamus Dewan.

Malangnya tidak ramai yang mengetahui mengenai istilah baru ini memandangkan ruang lingkup penulisan berbentuk S&T sangat sempit sehingga menyebabkan istilah itu tidak ada ruang untuk digunakan. Jika ada yang menyedarinya pun, tidak berani membudayakan penggunaannya kerana ada perkataan itu yang apabila disebut berbunyi agak kelakar atau tidak sebenar-benarnya mencapai maksud seperti yang difahami dalam bahasa Inggeris. Ambil sahaja contoh mudah laman web (*web page*) yang digunakan secara meluas dalam penulisan baik di akhbar atau buku, mengapa tidak digunakan laman sesawang sedangkan istilah ini telah dipersetujui dan diangkat sebagai perkataan yang sebenar dalam istilah bahasa Melayu?

Di sinilah peranan cerdik pandai dalam bidang S&T ditagih bukan hanya untuk menambah kuantiti buku subjek itu di pasaran tetapi lebih penting untuk memperkayakan lagi istilah S&T dalam penggunaan harian.

Jika isu istilah yang sesuai masih menjadi masalah, ramai mereka yang arif dalam bidang penulisan seperti pakar bahasa di DBP yang boleh dijadikan rujukan dan bersedia membantu mengangkat bidang penulisan S&T setaraf dengan penerbitan buku komersial lainnya.

**KEBIMBANGAN** industri perbukuan negara mengenai kekurangan penulis tempatan yang mengangkat topik sains dan teknologi (S&T) sebagai subjek penulisan sebenarnya bukanlah perkara baru.

Sejak sekian lama, mencari buku genre ini hasil karya penulis tempatan sama ada dalam bentuk buku ilmiah, novel fiksiyen atau pendidikan boleh diibaratkan seperti mencari sebatang jarum di padang rumput yang luas.

Amat menyedihkan apabila rekod Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menunjukkan penerbitan buku S&T penulis tempatan dalam tempoh 11 tahun dari tahun 1995-2005 hanya 546 judul sahaja.

Malah sepanjang tahun lalu juga, purata hanya dua judul buku S&T diterbitkan dalam tempoh sebulan dengan kebanyakannya adalah jenis bacaan dewasa atau buku rujukan sekolah dan universiti.

Jika badan seperti DBP yang tidak meletakkan unsur komersial dalam penerbitan mereka hanya mampu menerbitkan setakat jumlah itu sahaja, bayangkan pula penerbitan lain yang beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah entiti perniagaan?

Dilema itu kian terasa sejak kebelakangan ini apabila DBP tidak lagi menggalakkan penerbitan buku S&T yang diterjemahkan daripada karya penulis antarabangsa.

Situasi ini pastinya memberi kesan kepada pengembangan ilmu S&T di negara ini yang diketahui sangat pesat dan sentiasa muncul dengan cabang ilmu yang baru.

Jika difikirkan secara logik akal, kekurangan buku bertemakan S&T hasil karya penulis tempatan sebenarnya tidak harus berlaku.

Dalam situasi negara yang saban tahun melahirkan golongan cerdik pandai daripada pelbagai jurusan S&T di puluhan institusi pengajian tinggi (IPT) yang ada, jumlah buku S&T karya penulis tempatan seharusnya seiring dengan golongan cerdik pandai yang dilahirkan itu.

Masalahnya dengan cerdik pandai yang ada di negara ini, mereka lebih menumpukan usaha untuk memajukan diri sendiri, berbanding untuk mengambil sedikit usaha berkongsi pengetahuan dengan khlayak seluruhnya.

Memenuhi kantung ilmu di dada bagi